

# FKAL jayakan CSR Jelajah Masjid

► Capai matlamat masyarakatkan mahasiswa

**LABUAN:** Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah mengadakan Program Tanggungjawab Korporat Sosial (CSR) 2019 yang terakhir bagi sesi 1 2019 di Surau Al-Munawwarah Kampung Patau-Patau 1.

Ia bagi mengakhiri Siri Jelajah Masjid, Program Tanggungjawab Korporat Sosial Di Ambang Ramadan 1440H pada 4 Mei 2019.

Jelajah pertama dilaksanakan pada 13 April di Surau Syakirin Taman Mutiara Sungai Bedaun dan diteruskan dengan Masjid Jamek Kampung Layang-Layangan pada 27 April.



**MAHASISWA FKAL bersama kanak-kanak yang menyertai mini games di Kampung Patau-Patau 1.**



**MAHASISWA FKAL membersihkan kawasan Surau Al-Munawwarah Kampung Patau-Patau 1.**

Program itu dianjurkan oleh FKAL dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan sesi 2018/2019 (PMFKAL), Persatuan Mahasiswa Kewangan Islam 2018/2019, Persatuan Mahasiswa Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir sesi 2018/2019, dan Persatuan Mahasiswa Kewangan Antarabangsa sesi 2018/2019.

Persatuan Mahasiswa Pemasaran Antarabangsa sesi 2018/2019, Persatuan Mahasiswa Ekonomi Kewangan Antarabangsa sesi 2018/2019, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung serta Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau yang terlibat.

Penglibatan daripada komuniti di setiap kampung, beberapa wakil pensyarah UMSKAL, wakil Persatuan



**ZAITON (empat kiri) menyampaikan cenderamata kepada Ketua Kampung Patau-Patau 1 S Roslee Matusin sambil diperhatikan Suzillah (tiga kiri) dan Junisa (kiri).**

Mahasiswa Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (PMFKAL), Persatuan Mahasiswa daripada setiap kursus program yang amat memberangsangkan telah menjayakan lagi program itu.

Seramai 200 pelajar FKAL yang melibatkan kelima-lima kursus program FKAL yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama terlibat dalam program berkenaan.

Program Jelajah Masjid itu merupakan platform bagi warga FKAL untuk mendekati dan menyumbang kepada masyarakat setempat di sini.

Seawal 7.30 pagi, Persatuan Mahasiswa Kewangan Islam telah tiba di Kampung Patau-Patau 1.

Mahasiswa berkumpul di Balai Raya Kampung Patau-Patau 1 sambil menikmati

sarapan pagi sementara menunggu kedatangan komuniti Kampung Patau-Patau 1 pada jam 8 pagi.

Program itu telah dimulakan dengan tiga aktiviti serentak iaitu gotong-royong, merewang dan 'mini games' bagi kanak-kanak di Kampung Patau-Patau 1.

Ia dijayakan lagi dengan kehadiran Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan Profesor Madya Dr Zaiton Osman serta Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan Dr Suzillah Sidek.

Hadir sama, Pensyarah FKAL Dr Hanefha Muchlis Gazali dan Nurul Izzati Abd Razak serta pemantau dari Persatuan Mahasiswa Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Junisa Jumadi.

Kolaborasi antara FKAL dan PMFKAL serta Persatuan Mahasiswa bagi kelima-lima kursus program telah menunjukkan kejayaan dalam program bersama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau yang terlibat.

Sementara itu, Zaiton berharap agar aktiviti kemasyarakatan seperti itu dapat diteruskan pada masa hadapan sebagai medium memupuk semangat perpaduan, sekali gus pemangkin kepada integrasi nasional.

"Kami ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan Program Tanggungjawab Korporat Sosial Di Ambang Ramadan FKAL 1440 Hijrah ini," katanya.